



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 63

24hb Jun 2010

No. 13

---

**No. 831.**

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN 1977)  
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH TEMERLOH

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Temerloh bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 28 Jun 2010 ( Isnin ) di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh jam 3.00 petang.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh Julai hingga September 2010 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan hendaklah dihantar dalam 4 (empat) salinan kepada Pengurus Lembaga Pelesenan Eksais Temerloh d/a Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh tidak lewat daripada 6 (enam) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat mana perniagaan akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
TEMERLOH  
Bertarikh 25 Mei 2010  
[PDT.(AM): 06/00110/02 Sj. 111]

HAJARATUL FAZIHAN BINTI ABDUL LATIF  
*Naib Pengurus*  
*Pelesenan Eksais Daerah*  
*Temerloh*

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**  
(Akta 171)

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**  
(Act 171)

**No. 832.**

**KADAR TAHUNAN YANG DISATUKAN**  
**CONSOLIDATED ANNUAL RATES**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127, 129 dan 163 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Raub dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah mengenakan bagi tahun 2010 kadar tahunan yang disatukan yang ditunjukkan dalam Jadual atas semua pegangan dan atas semua bangunan yang baginya seksyen 163 terpakai, di dalam kawasan tertentu Majlis Daerah Raub yang ditunjukkan dalam Jadual.

**JADUAL**

1. Di dalam kawasan Bandar Raub:

(a) Bangunan Perniagaan	7.5%
(b) Kediaman (Pusat Bandar dan Taman Perumahan)	7.5%
(c) Kediaman (Perkampungan)	5.5%
(d) Kediaman (Pinggir Bandar)	3.5%

2. Di dalam kawasan Sungai Ruan:

(a) Bangunan Perniagaan	6.5%
(b) Kediaman (Taman Perumahan)	6.5%
(c) Kediaman (Perkampungan dan Rumah Murah)	5.5%

3. Di dalam kawasan Cheroh:

(a) Bangunan Perniagaan	6.5%
(b) Kediaman (Perkampungan dan Rumah Murah)	5.5%
(c) Pinggir Bandar	3.5%

4. Di dalam kawasan Tras:

(a) Bangunan Perniagaan	6.5%
(b) Kediaman (Taman Perumahan dan Perkampungan)	5.5%

5. Di dalam kawasan Dong:

(a) Bangunan Perniagaan	4.5%
(b) Kediaman (Rumah Murah)	3.5%

6. Di dalam kawasan Sungai Klau:
- |                             |      |
|-----------------------------|------|
| (a) Bangunan Perniagaan     | 4.5% |
| (b) Kediaman (Perkampungan) | 3.5% |
7. Di dalam kawasan Sungai Chetang:
- |                             |      |
|-----------------------------|------|
| (a) Bangunan Perniagaan     | 4.5% |
| (b) Kediaman (Perkampungan) | 3.5% |
8. Di dalam kawasan Sang Lee:
- |                             |      |
|-----------------------------|------|
| (a) Bangunan Perniagaan     | 4.5% |
| (b) Kediaman (Perkampungan) | 3.5% |
9. Di dalam kawasan Tranum:
- |                             |      |
|-----------------------------|------|
| (a) Bangunan Perniagaan     | 5.5% |
| (b) Kediaman (Rumah Murah)  | 5.5% |
| (c) Kediaman (Perkampungan) | 4.5% |
10. Di dalam kawasan Bukit Fraser:
- |                          |     |
|--------------------------|-----|
| (a) Kawasan Bukit Fraser | 14% |
|--------------------------|-----|
11. Di dalam Majlis Daerah Raub:
- |                         |       |
|-------------------------|-------|
| (a) Harta Perindustrian | 12.5% |
|-------------------------|-------|
12. Kadar bagi harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun adalah sama dengan kadar harta persendirian mengikut kawasan dan kegunaannya.

Pelan di atas boleh diperiksa di Pejabat Majlis Daerah Raub pada waktu biasa pejabat dan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2010 hingga 31 Disember 2010.

Bertarikh 4 Mei 2010  
[SUK. Phg./KT. 003(S)/3.28 Jld. 3 Sk. 2]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

In exercise of the powers conferred by sections 127, 129 and 163 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Raub District Council with the approval of the State Authority has imposed for the year 2010 the consolidated annual rates shown in the Schedule upon all holdings and upon all buildings to which section 163 applies, within the specified areas of the Raub District Council shown in the Schedule.

**SCHEDULE**

1. Within the areas in Raub Town:
  - (a) Commercial Buildings 7.5%
  - (b) Residential (Town and Housing Estate) 7.5%
  - (c) Residential (Villages) 5.5%
  - (d) Residential (Sub-Urban Area) 3.5%
2. Within the areas in Sungai Ruan:
  - (a) Commercial Buildings 6.5%
  - (b) Residential (Housing Estate) 6.5%
  - (c) Residential (Village and Low Cost Scheme) 5.5%
3. Within the areas in Cheroh:
  - (a) Commercial Buildings 6.5%
  - (b) Residential (Village and Low Cost Scheme) 5.5%
  - (c) Sub-Urban Area 3.5%
4. Within the areas in Tras:
  - (a) Commercial Buildings 6.5%
  - (b) Residential (Housing Estate and Village) 5.5%
5. Within the areas in Dong:
  - (a) Commercial Buildings 4.5%
  - (b) Residential (Low Cost Scheme) 3.5%
6. Within the areas in Sungai Klau:
  - (a) Commercial Buildings 4.5%
  - (b) Residential (Village) 3.5%
7. Within the areas in Sungai Chetang:
  - (a) Commercial Buildings 4.5%
  - (b) Residential (Village) 3.5%
8. Within the areas in Sang Lee:
  - (a) Commercial Buildings 4.5%
  - (b) Residential (Village) 3.5%

9. Within the areas in Tranum:

- |                                   |      |
|-----------------------------------|------|
| (a) Commercial Buildings          | 5.5% |
| (b) Residential (Low Cost Scheme) | 5.5% |
| (c) Residential (Village)         | 4.5% |

10. Within the areas in Fraser's Hill:

- |                        |     |
|------------------------|-----|
| (a) Fraser's Hill Area | 14% |
|------------------------|-----|

11. Within the areas in Raub District Council:

- |                         |       |
|-------------------------|-------|
| (a) Industrial Property | 12.5% |
|-------------------------|-------|

12. The rate for the property of the Federal Government, State Government and Statutory Body is equal to individual property rate depending on its area and usage.

The above plan can be inspected at the Raub District Council Office during normal office hours and enacted from July 1, 2010 until December 31, 2010.

Dated 4 May 2010

[SUK. Phg./KT. 003(S)/3.28 Jld. 3 Sk. 2]

HAMDAN BIN HUSSIN

*Clerk of Council*

*State of Pahang*

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1991

**No. 833.**

PELANTIKAN AHLI MAJLIS

APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE MAJLIS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen 3/1991*], Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah melantik orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual menjadi ahli Majlis bagi tempoh yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual.

In exercise of the powers conferred by section 7 of the Administration of Islamic Law Enactment 1991 [*Enactment 3/1991*], His Royal Highness the Sultan of Pahang has appointed the persons mentioned in column (1) of the Schedule to be members of the Majlis for the period specified in column (2) of the Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

(1)

(2)

1. KDYTM Tengku Makhota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Tuanku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	
2. YAM. Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah	1-3-2009 hingga 28-2-2010
3. YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan bin Yaacob	2-6-2009 hingga 1-6-2012
4. YDH. Orang Kaya Indera Pahlawan, Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan Timbalan Yang Dipertua, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	11-6-2009 hingga 10-6-2012
5. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Muhammad Safian bin Ismail	29-2-2008 hingga 28-2-2011
6. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang Dato' Mat Zara'ai bin Alias	6-11-2009 hingga 5-11-2012
7. Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Osman	29-2-2008 hingga 28-2-2011
8. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang, Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman	29-2-2008 hingga 28-2-2011
9. YM. Raja Dato' Karib Shah bin Raja Shahrudin	1-9-2008 hingga 31-8-2011
10. YH. Dato' Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Salleh	1-3-2008 hingga 28-2-2011
11. YH. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin	2-11-2008 hingga 1-11-2011
12. YH. Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob	2-11-2008 hingga 1-11-2011
13. YH. Dato' Mohd Mokhtar bin Shafii	2-11-2008 hingga 1-11-2011
14. YH. Dato' Haji Kamaruddin bin Zakaria	29-6-2010 hingga 28-6-2013
15. YH. Dato' Hajjah Salehah binti Haji Osman	2-11-2008 hingga 1-11-2011

Bertarikh 27 Mei 2010

Dated 27 May 2010

[M.U.I.Phg. 111/101/1(1)]

DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN WAN HASSAN  
*Timbalan Yang Dipertua  
 Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu  
 Pahang*

ENAKMEN RIZAB MELAYU  
(N.M.B. Bab. 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT  
(F.M.S. Cap. 142)

**No. 834.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)  
DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 1.205 hektar, Mukim Penor, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 3841 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu dan dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Penor.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 1.205 hectares, Mukim of Penor, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.W. 3841 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/106 SJ. 169]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 835.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)  
DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, [N.M.B. Bab. 142], Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 20.66 hektar, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditanda di atas Pelan Ukur No. P.W. 3891, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Kampung Mahkota.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, [F.M.S. Cap. 142], the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 20.66 hectares in the Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.W. 3891, deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Kampung Mahkota Malay Reservation.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/106 SJ. 179]

HAMDAN BIN HUSSIN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/  
Clerk of Council  
State of Pahang*

**No. 836.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, [N.M.B. Bab. 142], Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 12117 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 110015, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 128731 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Paya Tiga menurut *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 610 yang disiarkan pada 22 Oktober 1981 dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, [F.M.S. Cap. 142], the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 12117 square metres, known as Lot 110015, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 128731 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which is forming part of the Paya Tiga Malay Reservation *vide* the Pahang States Government *Gazette* No. 610 published on the 22 October 1981 be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/106 SJ. 169]

HAMDAN BIN HUSSIN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/  
Clerk of Council  
State of Pahang*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

No. 837.

[Perenggan 12(1)(a)]

PELANTIKAN PENOLONG PENGARAH TANAH DAN GALIAN

[Paragraph 12(1)(a)]

APPOINTMENT OF ASSISTANT DIRECTOR OF LAND AND MINES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Azrul bin Bakhtiar sebagai Penolong Pengarah Tanah dan Galian dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai 22 Disember 2009.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(a) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed Azrul bin Bakhtiar as Assistant Director of Land and Mines in and for the state of Pahang with effect from 22 December 2009.

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

No. 838.

[Perenggan 12(1)(b)]

PELANTIKAN PEGAWAI PETEMPATAN

[Paragraph 12(1)(b)]

APPOINTMENT OF SETTLEMENT OFFICER

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Pegawai Petempatan dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule as Settlement Officer in and for the state of Pahang with effect from the date specified in column (2) of the Schedule.

## JADUAL/SCHEDELE

(1)	(2)
-----	-----

Nazarulkeflee bin Md Sidek	16-9-2005
Mohd Nazim bin Che Mahmood	22-12-2008
Mohd Zulhilmi Aizat bin Hashim	22-12-2008

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 839.**

[Perenggan 12(1)(b)]

PELANTIKAN TIMBALAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN

[Paragraph 12(1)(b)]

## APPOINTMENT OF DEPUTY DIRECTOR OF LAND AND MINES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Tarif bin Abdul Rahman sebagai Timbalan Pengarah Tanah dan Galian dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai 16 November 2009.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed Tarif bin Abdul Rahman as Deputy Director of Land and Mines in and for the state of Pahang with effect from 16 November 2009.

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 840.**

[Perenggan 12(1)(b)]

PELANTIKAN TIMBALAN PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI

[Paragraph 12(1)(b)]

## APPOINTMENT OF DEPUTY REGISTRAR OF TITLE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Timbalan Pendaftar Hakmilik Negeri dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule as Deputy Registrar of Title in and for the state of Pahang with effect from the date specified in column (2) of the Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Tarif bin Abdul Rahman	16-11-2009
Azrul bin Bakhtiar	22-12-2009
Wan Nor Azman bin Wan Ibrahim	1-7-2009
Bertarikh 18 Mei 2010	
Dated 18 May 2010	HAMDAN BIN HUSSIN
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]	<i>Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang/ Clerk of Council State of Pahang</i>

**No. 841.**

[Perenggan 12(1)(b)]

## PELANTIKAN PENGARAH UKUR

[Paragraph 12(1)(b)]

## APPOINTMENT OF DIRECTOR OF SURVEY

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Ahamad bin Zakaria sebagai Pengarah Ukur dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2010.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed Ahamad bin Zakaria as Director of Survey in and for the state of Pahang with effect from 1 February 2010.

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/  
Clerk of Council  
State of Pahang*

**No. 842.**

[Perenggan 12(1)(b)]

## PELANTIKAN PEGAWAI UKUR

[Paragraph 12(1)(b)]

## APPOINTMENT OF SURVEY OFFICER

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Pegawai Ukur dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule as Survey Officer in and for the state of Pahang with effect from the date specified in column (2) of the Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Mohd Rosli bin Ab. Rahman	2-11-2009
Suhaimi @ Suhaima binti Yahya	1-12-2009
Hasnita binti Che Mahmood	1-4-2009
Azrina binti Bakar	2-3-2009

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 843.**

[Perenggan 12(1)(b)]

## PELANTIKAN TIMBALAN PENGARAH UKUR

[Paragraph 12(1)(b)]

## APPOINTMENT OF DEPUTY DIRECTOR OF SURVEY

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Azizi bin Mohamad sebagai Timbalan Pengarah Ukur dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai 16 Julai 2009.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed Azizi bin Mohamad as Deputy Director of Survey in and for the state of Pahang with effect from 16 July 2009.

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 844.**

[Perenggan 12(1)(b)]

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH

[Paragraph 12(1)(b)]

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Wan Rushdan bin Wan Muhammed sebagai Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi daerah Rompin berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed Wan Rushdan bin Wan Muhammed as Assistant Land Administrator in and for the district Rompin with effect from 1 January 2009.

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 845.**

[Perenggan 12(1)(b)]

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH

[Paragraph 12(1)(b)]

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Penolong Pentadbir Tanah dalam dan untuk negeri Pahang berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

In exercise the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule as Assistant Land Administrator in and for the state of Pahang with effect from the date specified in column (2) of the Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Mohd Khadri bin Ramli	1-2-2010
Ali Akhbar bin Awang Said	22-10-2008
Shaharani bin Abdul Ghani	22-10-2008
Abdul Majid bin Abdullah	22-10-2008
Noreah binti Abdul Majid	29-10-2009
Nazri bin Abdul Manaf	1-1-2008
Khairur Rizal bin Ramli	1-10-2009
Hazwan bin Harun	1-10-2009
Noor Rahmatul Hasrati binti Abdullah	17-8-2009
Norhamizah binti Ahmad Nawawi	1-10-2009

Bertarikh 18 Mei 2010

Dated 18 May 2010  
[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 01]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 846.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 14781 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 16092, Mukim Pulau Tawar, Daerah Jerantut, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 138251 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Pertumbuhan Desa Bukit Rang, di bawah kawalan Pengarah Pertanian Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 14781 square metres, known as Lot 16092, Mukim of Pulau Tawar, District of Jerantut, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 138251 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Bukit Rang Country Growth Centre, to be under the control of the Director of Agriculture State of Pahang.

Bertarikh 30 April 2010

Dated 30 April 2010  
[PTJ. 010/200]

HAMDAN BIN HUSSIN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Pahang/*

*Clerk of Council*

*State of Pahang*

**No. 847.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 4.945 hektar yang dikenali sebagai Lot 5397, Mukim Cheka, Daerah Lipis, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 131823 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sisa Pepejal, di bawah kawalan Pegawai Daerah Lipis dan diselenggarakan oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Lipis.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 4.945 hectares, known as Lot 5397, Mukim of Cheka, District of Lipis, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 131823 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Solid Waste, to be under the control of the Lipis District Officer and to be supervised by the President of Lipis District Council.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTJ. 2/001/96]

HAMDAN BIN HUSSIN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Pahang/*

*Clerk of Council*

*State of Pahang*

**No. 848.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 98.54 hektar Mukim Tanjung Besar, Daerah Lipis yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 3907 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Padang Ragut Kampung Jeransang di bawah kawalan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 98.54 hectares, Mukim of Tanjung Besar, District of Lipis, as delineated upon Survey Plan No. P.W. 3907 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Kampung Jeransang Grazing Field, to be under the control of the Pahang State Director of Veterinary Services.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTL. 2/022/99]HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang***No. 849.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 22003 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 3090 dan 7608 meter persegi di atas Lot 3091, Mukim Batu Yon, Daerah Lipis yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 80354 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Perkuburan Islam dan Masjid di Rancangan Tanah Pemuda Sungai Ular, di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved the land measuring an area of 22003 square metres, known as Lot 3090 and 7608 square metres, known as Lot 3091, Mukim of Batu Yon, District of Lipis, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 80354 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Muslim Burial Group and Mosque at Rancangan Tanah Pemuda Sungai Ular, to be under the control of the Director of Pahang State Islamic Religious Department.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTL. 2/BY/003/84]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 850.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 475 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 21371, Mukim Mentakab, Daerah Temerloh, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 139048 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan di Taman Setia 1, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved the land measuring an area of 475 square metres, known as Lot 21371, Mukim of Mentakab, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 139048 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Sewerage Service and System at Taman Setia 1, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Deparment.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTT. 370/6/99/05]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 851.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 7338 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 2416, Bandar Mentakab, Seksyen 13, Daerah Temerloh, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 139812 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan di Taman Bukit Bendera 2, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 7338 square metres, known as Lot 2416, Bandar Mentakab, Section 13, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 139812 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Sewerage Service and System at Taman Bukit Bendera 2, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTT. 370/13/99/05]HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang***No. 852.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 7368 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 21372, Mukim Mentakab, Daerah Temerloh, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 139803 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan di Taman Saga, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 7368 square metres, known as Lot 21372, Mukim of Mentakab, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 139803 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Sewerage Service and System at Taman Saga, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 370/14/99/05]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 853.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1116 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 22253, Mukim Perak, Daerah Temerloh, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 138990 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan di Perumahan Kontijen Polis, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 1116 square metres, known as Lot 22253, Mukim of Perak, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 138990 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Sewerage Service and System at Perumahan Kontijen Polis, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTT. 370/23/2005/12]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 854.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 3961 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 6806, Mukim Penor, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 138656 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai Tapak Bangunan Kompleks Penghulu di Kampung Cherok Paloh, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 3961 square metres, known as Lot 6806, Mukim of Penor, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 138656 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Penghulu Complex Building at Kampung Cherok Paloh be under control of the Kuantan District Officer.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/1144]

HAMDAN BIN HUSSIN

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/  
Clerk of Council  
State of Pahang***No. 855.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 0.5053 hektar, yang dikenali sebagai Lot 113930 dan 1.064 hektar, Lot 113929, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 133127 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Semaian di Kawasan Perindustrian Semambu, di bawah Kawalan Pegawai Daerah Kuantan dan diselenggarakan oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 0.5053 hectare, known as Lot 113930 and 1.064 hectares, Lot 113929, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 133127 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Nursery at Semambu Industrial Area to be under the control of the Kuantan District Officer and to be supervised by the President of Kuantan District Council.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/393]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 856.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 4.424 hektar, yang dikenali sebagai Lot 1044, Bandar Kuantan, Seksyen 42, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 127616 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak kawasan hijau dan rekreasi di Jalan Dato' Abdullah, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan dan diselenggarakan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 4.424 hectares, known as Lot 1044, Bandar Kuantan, Section 42, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 127616 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for green area and recreation at Jalan Dato' Abdullah, to be under the control of the Kuantan District Officer and to be supervised by the President of Kuantan District Council.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/582]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 857.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 346 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 803, Bandar Kuantan, Seksyen 38, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 127432 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai Tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan di Kawasan Rumah Pangsa Kubang Buaya, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 346 square metres, known as Lot 803, Bandar Kuantan, Section 38, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 127432 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Sewerage Service and System at Flat Kubang Buaya, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/588]HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang***No. 858.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 281 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 3492, Bandar Kuantan, Seksyen 31, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 131891 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan di Bukit Setongkol, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved the land measuring an area of 281 square metres, known as Lot 3492, Bandar Kuantan, Section 31, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 131891 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Sewerage Service and System at Bukit Setongkol, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/819]

HAMDAN BIN HUSSIN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/*

*Clerk of Council  
State of Pahang*

**No. 859.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 7959 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 6807, Mukim Penor, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 139227 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Kampung Chempaka, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved the land measuring an area of 7959 square metres, known as Lot 6807, Mukim of Penor, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 139227 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for ‘Rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)’ at Kampung Chempaka, to be under the control of the Kuantan District Officer.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/865]

HAMDAN BIN HUSSIN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/*

*Clerk of Council  
State of Pahang*

**No. 860.**

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1.838 hektar, yang dikenali sebagai Lot 29237, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 06-067698 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai Tapak Perkuburan Kaum Cina (Fee Chiau Kar) di Bukit Kuin, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 1.838 hectares, known as Lot 29237, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 06-067698 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Chinese Cemetery (Fee Chiau Kar) at Bukit Kuin to be under the control of the Kuantan District Officer.

Bertarikh 13 Mei 2010

Dated 13 May 2010  
[PTK. 3/5/963]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 861.**

(Subseksyen 64(1))

PEMBATALAN PERIZABAN

(Subsection 64(1))

REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 734 yang disiarkan pada 31 Ogos 1989, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara telah mengisyiharkan tanah seluas 12.84 hektar yang dikenali sebagai No. Lot 4334 terletak di Mukim Pulau Tawar, Daerah Jerantut yang dilakar atas Pelan Ukur No. P.A. 64169 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu sebagai tapak Pusat Perkhidmatan Pertanian Bukit Rang di bawah kawalan Pengarah Pertanian Negeri Pahang.

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 4 November 2004 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 942.

Dan bahwasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut.

Maka oleh yang demikian adalah diisyiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan sebahagian perizaban tersebut seluas 14781 meter persegi.

Whereas by the State Government *Gazette* No. 734 published on 31 August 1989 the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code has proclaimed the land comprising an area of 12.84 hectares known as Lot No. 4334 situated in Mukim of Pulau Tawar, District of Jerantut, delineated upon Survey Plan No. P.A. 64169 deposited in the Office of the Director of Survey Mapping of Pahang to be a reserve for the Bukit Rang Agriculture Service Centre to be maintained by the Pahang State Director of Agriculture.

